

LAWATAN JEMAAH TERTINGGI BAKAT UDARA KE FAKULTI SAINS DAN TEKNOLOGI PEMAKANAN UPM

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2683-lawatan-jemaah-tertinggi-bakat-udara-ke-fakulti-sains-dan-teknologi-pemakanan-upm

KUALA LUMPUR, 17 Nov 17 - Pengerusi dan ahli ahli Jemaah Tertinggi BAKAT Udara telah mengadakan lawatan ke Fakulti Sains dan Teknologi Pemakanan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Lawatan ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan teknologi pemprosesan makanan yang memfokuskan kepada pembuatan jem dan kaedah makanan beku.

Lawatan ini merupakan satu titik permulaan kepada ahli-ahli BAKAT Udara untuk lebih inovatif dan kreatif dalam menghasilkan produk dari bahan semulajadi dan organik. Adalah menjadi hasrat Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara untuk menggalakkan ahli-ahli BAKAT Udara di setiap peringkat pangkalan/unit untuk menghasilkan produk jualan sendiri dengan berbekalkan pengetahuan yang mampu memberi impak yang lebih baik terhadap produk sendiri.

Lawatan ini diketuai oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Udara, YM Tengku Puteri Seri Teja Pahang Puan Sri Datin Sri Hjh Tengku Muhaini binti Sultan Ahmad Shah dan disertai oleh pengerusi - pengerusi BAKAT dari Pangkalan /unit di bawah naungan TUDM.



